

11 FEB 2000

MAHATHIR BERLEPAS KE BANGKOK UNTUK HADIRI UNCTAD X

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Bangkok hari ini untuk menghadiri persidangan ke-10 Unctad, agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi perdagangan dan pembangunan.

Dr Mahathir diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Perdana Menteri merupakan pemimpin pertama yang akan memberi ucapan utama pada persidangan itu yang dijangka menyentuh isu globalisasi, sistem kewangan, perdagangan bebas dan pembangunan serta isu-isu lain yang melibatkan Malaysia.

Semasa di sana beliau juga akan menghadiri sidang kemuncak Asean-Jepun dan merasmikan kompleks baru kedutaan Malaysia di ibukota Thailand.

Kira-kira 3,000 menteri, pegawai kanan kerajaan, wakil-wakil agensi antarabangsa dan pertubuhan bukan kerajaan akan menghadiri mesyuarat dua hari Unctad X itu, menurut satu kenyataan Unctad sebelum ini.

Semalam Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu pemberita bahawa Dr Mahathir juga akan menghadiri sidang kemuncak Asean-PBB di antara ketua-ketua kerajaan Asean dan Setiausaha Agung PBB Kofi Annan serta ketua-ketua agensi PBB.

Syed Hamid berkata Malaysia akan membangkitkan isu-isu pembangunan, perdagangan, sistem kewangan dan globalisasi di Unctad X.

Sidang kemuncak Asean-PBB dijangka membincangkan keperluan peranan PBB dan Asean dalam alaf baru.

-- BERNAMA

AR RON